

MPP UMS beri sumbangan kepada mangsa banjir

UB 28.2.2014 A3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus prihatin terhadap nasib mangsa terjejas banjir yang melanda beberapa daerah di Sabah.

Baru-baru ini, UMS melalui inisiatif Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) memberikan sumbangan kepada sebuah keluarga di Beaufort yang kini terpaksa menumpang setelah bencana yang disifatkan antara yang terburuk itu memusnahkan tempat tinggal mereka.

Sumbangan berupa wang tunai dan pakaian disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur kepada keluarga Ambitung di kediaman sementara mereka di Kuarters Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah berkenaan.

Hadir sama Setiausaha Sulit Ahli Parlimen Beaufort Faizal Arshad, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Mohd Raffie Hj Janau dan Presiden MPP Fandyi Sanizan Jurup.

Dalam pada itu, Faizal turut mengumumkan bantuan khas daripada Ahli Parlimen Beaufort Datuk Azizah Mohd Dun iaitu pembinaan sebuah rumah untuk menempatkan keluarga yang



KASIM (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada anak keluarga mangsa banjir, Reduan Ambitung sambil diperhatikan oleh Raffie (tiga dari kanan) dan Fandyi (dua dari kanan).

mempunyai dua anak kelainan upaya (OKU) berkenaan.

Katanya, pembinaan rumah berkenaan diharap mampu meringankan beban keluarga itu

setelah menempuh detik-detik sukar dalam bencana itu yang mengorbankan satu nyawa.

"Kita sangat berterima kasih atas keprihatinan pihak UMS.

Pembinaan rumah ini nanti juga dibantu oleh para pelajar UMS yang sangat bermurah hati menghulurkan sumbangan dan bantuan," katanya.